

29 DEC 2000

Tersusun (Laporan Khas)

PESERTA PROJEK KAMPUNG TERSUSUN MASIH DIBAYANGI KISAH SILAM

Oleh: Adnan Jahaya

PADANG BESAR, 29 Dis (Bernama) -- Kira-kira 16 tahun lalu, Rahmat Senapi, 46, bangga menjadi seorang peserta projek Kampung Tersusun Batu 20 dekat sini tetapi beberapa tahun kemudian beliau melemparkan kebanggaan itu akibat kesengsaraan hidupnya.

Rahmat atau lebih mesra dengan panggilan "Samad" tidak mempunyai pekerjaan tetap sejak menyertai projek itu dan pada musim perayaan ini, beliau hanya menjual daun palas untuk menyara keluarganya.

Beliau mendakwa bahawa kegagalan beberapa projek ekonomi yang diperkenalkan oleh beberapa jabatan dan agensi kerajaan untuk penduduk di situ menjadi antara punca kenapa kemiskinan terus mencengkam mereka.

Rahmat ialah antara 84 ketua keluarga yang menyertai projek itu pada 1984 malah beliau juga merupakan antara orang paling gembira menyambut kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melancarkan projek itu pada 1986.

"Kehidupan kami tidak tersusun sebagaimana nama kampung kami...malah ada yang telah melarikan diri dari sini," katanya.

Walau apapun rungutan Rahmat, Kampung Tersusun Batu 20 tetap merupakan antara kampung yang terbaik di Perlis daripada segi penyediaan kemudahan asas malah menjadi kampung pertama di negeri itu yang mempunyai jalan berturap simen.

Tinjauan Bernama mendapati kemudahan lain yang terdapat di situ ialah padang bola sepak, dewan orang ramai, kedai koperasi, bekalan elektrik, air dan telefon.

Beberapa rumah yang kelihatan agak mewah juga terdapat di situ tetapi penduduk mendakwa ia dimiliki oleh penghuni baru kampung itu setelah tapaknya dijual oleh penduduk asal akibat kesempitan hidup.

"Mereka makan gaji dan boleh bina rumah besar...tapi itu bukan kejayaan kami...kami tetap miskin di sini," kata seorang lagi penduduk yang enggan namanya disiarkan.

Meskipun kampung itu sudah sewajarnya menjadi sebuah kampung contoh daripada segi infrastrukturnya namun Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid berkata hakikat sebenarnya terdapat kepincangan di situ.

Kegagalan beberapa projek ekonomi yang sepatutnya disertai penduduk seperti projek tenusu dan ayam merupakan tamparan hebat bagi Jabatan Perkhidmatan Haiwan yang menjadi penyelaras bagi pembangunan ekonomi di situ.

Azmi, yang juga Anggota Parlimen Padang Besar yang meliputi kawasan berkenaan, berkata beliau telah membawa masalah kampung itu ke kabinet dan tindakan telah mula diambil bagi menanganinya.

Beliau berharap penduduk kampung itu bersabar kerana perubahan akan berlaku juga di situ dan kerajaan tidak akan membiarkan mereka dalam keadaan tertekan.

Menteri Pertanian Datuk Effendi Norwawi yang meninjau ke kampung itu berharap penduduk di situ memadamkan kisah silam mereka.

"Mari kita lihat ke hadapan...kita akan bawa perubahan...yakinkanlah bahawa taraf hidup masyarakat di sini akan meningkat," katanya ketika bertemu penduduk kampung itu minggu lalu.

Effendi berkata, beliau telah mengarahkan 12 agensi kementerian itu supaya mengkaji projek-projek ekonomi yang bersesuaian untuk dilaksanakan di kampung itu.

Beliau turut memberi jaminan bahawa kisah silam tidak akan berulang

lagi asalkan mereka sanggup bekerja keras sebagaimana usaha yang sedang dilakukan oleh agensi-agensi kementerian itu untuk memulihkan kehidupan mereka.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Tersusun Batu 20, Mahazir Ishak berterima kasih kepada kerajaan pusat dan negeri yang peka terhadap masalah mereka, sambil mendoakan agar harapan masyarakat di situ tertunai dalam tempoh terdekat ini.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Kampung Tersusun Batu 20, Norasimah Ahmad juga berharap projek ekonomi yang bakal dibawa ke situ akan dapat memberi manfaat kepada golongan wanita.

"Kami tidak meminta sesuatu yang mustahil...yang penting nasib kami akan bertambah baik di sini," katanya.

Mengikut sejarah, Kampung Tersusun Batu 20 diwujudkan pada 1984 apabila 84 keluarga yang tinggal secara berselerak di kawasan rizab padang ragut di kampung Kok Mak dipindahkan ke situ.

Mereka yang sebelumnya menjadi pesawah dan buruh diberi jaminan bahawa mereka akan mengalami kehidupan lebih cemerlang di situ.

Bagaimanapun, beberapa projek yang dibawa ke situ termasuk projek tenusu dan ternakan ayam gagal mengubah nasib penduduk di situ menyebabkan ada antara mereka yang terpaksa mendaftar sebagai peserta Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

Sebanyak sembilan keluarga disenaraikan sebagai peserta PPRT dan lima lagi sedang dalam proses penyenaraiannya manakala sembilan penduduk di situ merupakan penerima bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

-- BERNAMA

AD AKD MAI